

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN HONORARIUM PENERBITAN JURNAL BERIMPAK TINGGI
FAKULTI KOMPUTERAN & INFORMATIK
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

1. Pendahuluan

1.1 Garis panduan honorarium penerbitan jurnal berimpak tinggi ini diwujudkan sebagai panduan kepada kakitangan Fakulti Komputeran & Informatik, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam mengemukakan permohonan honorarium penerbitan jurnal berimpak tinggi di dalam jurnal berindeks di pangkalan data WoS/Scopus.

2. Tujuan

- 2.1 Untuk membantu dalam meningkatkan hasil penyelidikan dan inovasi universiti.
- 2.2 Untuk membudayakan amalan penerbitan.
- 2.3 Untuk menggalakan lebih penulisan dan penerbitan dalam jurnal yang berimpak tinggi.

3. Syarat dan kriteria permohonan

- 3.1 Permohonan terbuka kepada semua staf akademik yang terdiri daripada Pensyarah, Pensyarah Kanan, Profesor Madya dan Prosefor yang aktif sahaja di FKI - staf lantikan tetap dan juga kontrak.
- 3.2 Pemohon mestilah merupakan **penulis utama/main author** atau **penulis penghubung/corresponding author** atau **penulis tunggal daripada UMS/sole co-author UMS** bagi artikel jurnal tersebut.
- 3.3 Setiap artikel haruslah mempunyai sekurang-kurangnya 1 penulis antarabangsa.
- 3.4 Artikel jurnal mesti mempunyai afiliasi Fakulti Komputeran dan Informatik, Universiti Malaysia Sabah.
- 3.5 Bagi artikel jurnal Scopus ianya mestilah diindeks oleh pangkalan data Scopus. Manakala bagi artikel jurnal Web of Science (WoS) ianya mestilah diindeks oleh kedua-dua pangkalan data iaitu WoS Core Collection dan Scopus.

4. Kadar bayaran honorarium:

Kategori penerbitan	Kadar
Penerbitan Jurnal Berindeks Q1	RM200.00
Penerbitan Jurnal Berindeks Q2	RM100.00

- 4.1 Bayaran honorarium hanya akan diberi kepada SATU (1) penulis FKI,UMS untuk SATU (1) penerbitan yang sama.
- 4.2 Untuk penerbitan yang melibatkan lebih 1 penulis dari FKI,UMS, **Keutamaan** akan diberikan kepada **penulis utama/main author** diikuti dengan **penulis penghubung/corresponding author** dan **penulis tunggal daripada UMS/sole co-author UMS**.

5. Prosedur permohonan honorarium penerbitan jurnal berimpak tinggi

- 5.1 Permohonan honorarium penerbitan jurnal berimpak tinggi boleh dikemukakan dengan mengisi Borang Permohonan Honorarium Penerbitan Jurnal Berimpak Tinggi (Borang SPIFKI/02/2025).
- 5.2 Satu borang hanya sah untuk 1 permohonan sahaja.
- 5.3 Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dilampirkan dokumen sokongan seperti berikut:
 - Salinan muka hadapan penerbitan dan helaian yang mengandungi maklumat seperti pengarang, afiliasi, tajuk penerbitan, tahun, nama universiti, nama penerbit dan penghargaan kepada universiti.
 - Bukti jurnal berindeks WOS/Scopus (Kuartil & faktor impak).
 - Permohonan yang lengkap hendaklah disokong dan diperakukan oleh Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi) FKI dan diluluskan oleh Dekan FKI.

Carta alir bayaran insentif penerbitan berimpak tinggi:

